

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 4/5/2016

Muka surat: 7

Tajuk : Sistem mikro hidro 'terangi' penduduk Semulong Ulu

# Sistem mikro hidro 'terangi' penduduk Semulong Ulu

**KOTA SAMARAHAN:** Sebanyak 35 keluarga di Rumah Panjang Laroh, Lingga, Sri Aman menarik nafas lega kerana tidak perlu lagi menggunakan janakuasa elektrik diesel atau lampu pelita setelah projek Mikro Hidro Semulong Ulu siap dilaksanakan.

Majlis pelancaran dan penyerahan projek berkenaan telah disempurnakan oleh calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) N31 Bukit Begunan, Datuk Mong Dagang, semalam.

Turut hadir Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Profesor Dato' Mohamad Kadim Suaidi.

Projek tersebut merupakan inisiatif yang diambil oleh para penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan UNIMAS yang mereka bentuk semula dan menjayakan projek asal hidro mikro dan berkuasa menjanakan elektrik sebanyak 3kW.

Pada awalnya, sistem tersebut hanya mampu bertahan untuk satu setengah tahun sahaja ekoran dari penggunaan bahan-bahan mudah, ringkas dan murah serta sistem turbin buatan sendiri atas sebab peruntukan yang terhad.

Mempelajari kesan dari pengalaman tersebut dan potensi yang sangat cerah untuk menjana kuasa elektrik yang lebih tinggi dari sumber tenaga semulajadi iaitu hidro, yang sedia ada, ahli penyelidik Pusat Tenaga Lestari dan Boleh Diperbaharui (CREN) di Fakulti Kejuruteraan UNIMAS telah memohon kepada KKLW untuk membiayai satu projek mikro hidro di kampung tersebut.

Berdasarkan "UNIMAS Micro Hydro Community Based Framework" dan bersandarkan komitmen penduduk kampung yang sangat menggalakkan,



**TINJAU ...** Datuk Mong Dagang ditemani Profesor Dato Mohamad Kadim meninjau projek sistem Mikro Hidro Semulong Ulu, Lingga, Sri Aman, semalam.

CREN (UNIMAS) telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan dan membina Projek Mikro Hidro ini.

Tapak projek ini terletak di sebuah anak sungai Lingga dan dibina di pinggir air terjun Wong Bayan dengan tujuan utama adalah untuk membina sambil membuat penyelidikan infrastruktur Mikro Hidro, penajaan dan pembekalan tenaga elektrik menggunakan kuasa hidro (air) ke Rumah Panjang Laroh.

Rumah Panjang Laroh, Lingga, Sri Aman terletak di pedalaman Pinggir Bukit Lesung dengan jumlah penghuni sebanyak 35 buah keluarga.

Sejak tahun 1960 an lagi, kebanyakan penghuni rumah

panjang ini menggunakan lilin, lampu, minyak tanah dan janakuasa elektrik diesel dalam kehidupan harian mereka.

Dengan adanya projek ini, janakuasa elektrik dapat disalurkan secara percuma menggunakan kuasa hidro dari air terjun Sungai Wong Bayan yang berdekatan dengan kawasan Kampung.

Ini sekali gus mengurangkan beban penduduk kampung yang tidak perlu lagi menggunakan janakuasa diesel yang memakan belanja besar dan mengeluarkan asap serta bunyi bising yang tidak menyenangkan di siang atau malam hari.

Bekalan elektrik ini boleh digunakan untuk kegunaan asas mereka seperti lampu,

kipas angin, peti ais berkuasa rendah, televisyen, radio dan sebagainya selain boleh digunakan untuk memproses padi, lada, getah dan sebagainya pada waktu-waktu tertentu yang terancang.

CREN juga telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti mengkaji, penyelidikan, merancang dan membangunkan sosio ekonomi penduduk kampung melalui perancangan yang rapi dan komitmen yang tinggi, sebelum, semasa dan selepas siap dipasang dengan harapan ianya akan menjadi contoh dan model untuk projek-projek serupa di kawasan yang lain, khususnya di pedalaman Sarawak dan bagi penduduk yang memerlukan.